

Aku Sebuah Komputer Riba

Aku sebuah komputer riba berjenama DELL. Aku sangat berguna kepada manusia. Aku telah dilahirkan di sebuah kilang yang terletak di Petaling Jaya.

Aku diperbuat daripada plastik dan alat-alat elektronik. Badan saya terdiri daripada skrin, papan kunci, tetikus dan sebagainya.

Setelah siap, aku dihantar ke sebuah kedai komputer dengan sebuah lori. Aku telah dipamerkan untuk dijual dengan harga RM 1800. Pada suatu hari, aku telah dibeli oleh seorang pemuda yang bernama Ali.

Aku digunakan oleh Ali untuk membuat berbagai-bagai kerja. Aku sangat bertuah kerana Ali menggunakan saya dengan cermat.

1. Apakah jenama “aku” ?
“Aku” berjenama _____
2. Di manakah “aku” dilahirkan ?
“Aku” dilahirkan di _____
3. “Aku” diperbuat daripada apa ?
“Aku” diperbuat daripada _____
4. Apakah yang terdapat pada badan “aku” ?
Badan “aku” terdiri daripada _____
5. Bagaimanakah “aku” dihantar ke sebuah kedai komputer ?
“Aku” dihantar ke sebuah kedai komputer _____
6. Berapakah harga “aku” ?
“Aku” berharga _____
7. Siapakah yang membeli “aku” ?
_____ telah membeli “aku”.
8. Mengapakah “aku” sangat bertuah ?
“Aku” sangat bertuah kerana _____